

## RISALAH PENDEDAHAN PRODUK (RPP)

Date:

Pelanggan yang dihormati,

Risalah Pendedahan Produk (RPP) ini menyediakan maklumat penting tentang pembiayaan Pembiayaan Pusingan Muamalat-i anda.

Pelanggan lain telah membaca RPP ini dan mendapati ia bermanfaat, anda juga harus membacanya.

### 1 APAKAH ITU PEMBIAYAAN PUSINGAN MUAMALAT-I

**Pembiayaan Pusingan Muamalat-i**, ialah kemudahan pembiayaan jangka pendek yang menyediakan dana kepada syarikat untuk keperluan modal kerja.

Produk ini distrukturkan di bawah konsep Tawarruq dan disokong oleh kontrak Syariah lain termasuk Murabahah, Wakalah, serta janji yang mengikat di bawah konsep Wa'd Mulzim. Di bawah Wa'd Mulzim, pelanggan membuat satu janji yang mengikat bagi permintaan aset untuk membeli komoditi-komoditi patuh Syariah ("Komoditi") daripada pihak Bank pada Harga Jualan.

Di bawah kontrak Wakalah, pelanggan melantik pihak Bank sebagai ejen untuk membeli dan menjual Komoditi bagi pihak pelanggan. Pihak Bank akan membeli Komoditi daripada pembekal pada Harga Belian, dan seterusnya menjual Komoditi tersebut kepada pelanggan pada Harga Jualan secara Murabahah (kos tambah). Harga Jualan hendaklah dibayar oleh pelanggan kepada pihak Bank secara tertangguh.

Pelanggan hendaklah seterusnya menjual Komoditi tersebut melalui pihak Bank yang bertindak sebagai ejen kepada pihak ketiga secara tunai, dan wang tunai tersebut akan dianggap sebagai amaun pembiayaan kepada pelanggan. Transaksi Tawarruq hendaklah dilaksanakan sebelum pembayaran amaun pembiayaan kepada pelanggan.

Pelanggan boleh memohon untuk mengambil Komoditi yang telah dibeli sebelum ia dijual kepada pihak ketiga. Semua kos dan perbelanjaan berkaitan penghantaran serta pemindahan pemilikan Komoditi hendaklah ditanggung sepenuhnya oleh pelanggan. Dalam keadaan tersebut, amaun pembiayaan tidak akan dibayar kepada pelanggan.

### 2 KETAHUI TANGGUNGJAWAB ANDA

#### Ilustrasi Pembiayaan

|                              |   |                                                                   |
|------------------------------|---|-------------------------------------------------------------------|
| Jumlah Pembiayaan            | : | RM1,000,000                                                       |
| Tempoh Pembiayaan            | : | 1 bulan (30 hari)                                                 |
| Kadar Pembiayaan Asas (KPA)* | = | 3.00%                                                             |
| Kadar Keuntungan             | = | 3.00% + 1.50% setahun<br>4.50%                                    |
| Jumlah Keuntungan            | = | RM1,000,000 x 4.50% x (30/365)<br>RM3,698.63                      |
| Harga Jualan                 | = | RM1,000,000 x 4.50% x (30/365) +<br>RM1,000,000<br>RM1,003,698.63 |

#### Anda bertanggungjawab untuk:



Baca dan fahami **terma-terma utama** dalam kontrak sebelum anda menandatangani.



Pastikan anda mampu membayar ansuran yang lebih tinggi jika Kadar Dasar Semalaman (OPR) meningkat.



**Segera hubungi kami** jika anda tidak dapat membayar ansuran bulanan anda.

\*KPA ditetapkan sebagai OPR oleh Bank Negara Malaysia (BNM). KPA boleh meningkat atau menurun disebabkan oleh perubahan pada OPR.

| Fi & Caj                           | Amaun                                                                                                                                                                                                                                                                                                                                          |
|------------------------------------|------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------|
| Duti Setem                         | Seperti yang termaktub di dalam Akta Duti Setem 1949 (Pindaan 1989)                                                                                                                                                                                                                                                                            |
| Fi Guaman, Penilaian dan Lain-lain | Termasuk yuran peguam untuk menyediakan dokumentasi pembiayaan, pendaftaran cagar, carian tanah, dan carian kebankrapan (jika berkenaan).                                                                                                                                                                                                      |
| Fi Broker                          | <ul style="list-style-type: none"> <li>Pengguna Runcit dan Perusahaan Kecil dan Sederhana (PKS): Ditanggung oleh pihak Bank.</li> <li>Korporat/ Komersial/ Kerajaan: RM 6.00 bagi setiap juta</li> </ul>                                                                                                                                       |
| Caj lewat bayar                    | 1% setahun ke atas ansuran tertunggak hingga tarikh pembayaran untuk keingkaran pembayaran dalam tempoh pembiayaan dan sebelum tempoh matang ATAU sejumlah wang bersamaan dengan kadar Pasaran Wang Antara Bank Secara Islam (IIMM) BNM ke atas baki jumlah prinsipal tertunggak untuk keingkaran pembayaran pembiayaan selepas tempoh matang. |

• Sila rujuk laman sesawang kami di [www.muamalat.com.my](http://www.muamalat.com.my) untuk maklumat lanjut berkenaan yuran dan caj.

• \*Fi dan caj adalah tertakluk kepada cukai perkhidmatan (8%) yang dikenakan di bawah Akta Cukai Perkhidmatan 2018 (sebagaimana yang dipinda), jika berkenaan.

#### Nota Penting:

- Pelbagai pembayaran/penggunaan dalam jumlah /had kemudahan yang diluluskan.
- Tempoh penggunaan selama 30,60,90,120 atau 180 hari atau mana-mana tempoh lain yang dipersetujui oleh Bank.
- Kadar Keuntungan merujuk kepada kadar yang terpakai untuk Kemudahan seperti yang dinyatakan dalam jadual pembayaran, yang mana jika konteks mengizinkan, termasuk mana-mana kadar lain yang mungkin dikenakan oleh Bank pada bila-bila masa atau dari semasa ke semasa, tertakluk kepada notis awal, seperti yang dirumuskan di bawah:-

**Kos Dana ("COF") + [Spread] setahun**

- Harga Jualan Bank ditentukan pada setiap pembayaran/penggunaan berdasarkan kadar keuntungan tetap yang dinyatakan, dirumuskan seperti berikut:-

## RISALAH PENDEDAHAN PRODUK (RPP)

Date:

Jumlah Pembiayaan x Kadar Keuntungan x Tempoh (hari atau bulan) / (365 hari atau 12 bulan) + Jumlah Pembiayaan

**Jika anda ingin menyelesaikan pembiayaan lebih awal, sila ambil maklum bahawa:-**

*Ibra`* atau Rebat atas keuntungan tertanggung akan diberikan kepada Pelanggan tertakluk kepada prinsip Syariah:

- Pihak Bank perlu memberi *Ibra`* sekiranya berlaku penyelesaian awal pembiayaan oleh Pelanggan;
- Pihak Bank perlu memberi *Ibra`* atau Rebat ke atas keuntungan daripada amaun Kemudahan yang masih belum digunakan;
- Pihak Bank perlu memberi *Ibra`* berdasarkan kepada perbezaan jumlah ansuran bulanan yang telah dibayar dan harga jualan sebenar pada akhir tempoh pembiayaan;
- Sebarang *Ibra`* atau Rebat yang diberikan oleh pihak Bank perlu disifatkan sebagai terakhir dan muktamad, melainkan dan kecuali kesilapan nyata; dan

**Nota:** Perkara (a), (b), & (d) adalah terpakai untuk kedua-dua Kemudahan tetap dan terapung manakala perkara (c) adalah terpakai untuk Kemudahan terapung sahaja dan tertakluk kepada ketiadaan kejadian keingkaran yang berlaku dan berterusan.

### 3 KETAHUI RISIKO ANDA

**Apakah risiko utamanya?**

- Sekiranya terdapat pengurangan dalam KPA Bank, anda tidak akan dapat menikmati sebarang pengurangan dalam kadar pembiayaan semasa anda.
- Jika anda mempunyai masalah untuk memenuhi obligasi pembiayaan anda, sila hubungi kami untuk alternatif pembayaran

**Apakah yang akan berlaku jika saya gagal memenuhi tanggungjawab saya?**

- Anda perlu membayar lebih secara keseluruhan disebabkan oleh caj lewat bayar (caj Ganti rugi/Ta'widh) iaitu 1% setahun daripada ansuran tertunggak hingga tarikh pembayaran untuk keingkaran pembayaran dalam tempoh pembiayaan dan sebelum tempoh matang ATAU sejumlah wang bersamaan dengan kadar Pasaran Wang Antara Bank Secara Islam (IIMM) BNM ke atas baki jumlah prinsipal tertunggak untuk keingkaran pembayaran pembiayaan selepas tempoh matang.
- Kami boleh menolak wang daripada mana-mana akaun anda yang ada dengan kami bagi menolak selesai baki pembiayaan anda yang tertunggak.
- Kami boleh melelong hartanah anda dan mengambil tindakan undang-undang terhadap anda.
- Skor kredit anda mungkin akan terjejas menyebabkan kredit menjadi lebih sukar atau mahal kepada anda.

### 4 TERMA UTAMA LAIN

- Anda bertanggungjawab untuk membayar kemudahan secara sekaligus yang terdiri daripada jumlah Pokok ditambah keuntungan pada tarikh matang setiap pembayaran / tempoh penggunaan. Sekiranya jumlah pokok dilanjutkan (rollover) bagi tempoh pengeluaran baharu, hasil lanjutan tersebut akan digunakan untuk menyelesaikan baki pokok yang masih tertunggak.
- Sila memaklumkan kepada kami sekiranya terdapat sebarang perubahan pada butiran perhubungan anda.
- Anda bebas membuat pilihan sama ada untuk mengambil perlindungan Takaful atau tidak bagi melindungi pembiayaan anda. Walaubagaimanapun, pelanggan digalakkan untuk mengambil pelan perlindungan Takaful daripada sama ada penyedia panel Takaful atau bukan panel Takaful. Pelan perlindungan Takaful diperlukan untuk melindungi baki pembiayaan semasa anda sepanjang tempoh pembiayaan dan/atau terma perlindungan jika berlaku sesuatu yang tidak diingini.

Jika anda mempunyai sebarang pertanyaan atau memerlukan bantuan berkaitan Pembiayaan Pusingan Muamalat-i, anda boleh:



Hubungi kami di:  
03-26005500



Layari kami di:  
[Pembiayaan Pusingan Muamalat-i](#)



E-mel kami melalui:  
[feedback@muamalat.com.my](mailto:feedback@muamalat.com.my)

### Perakuan Pelanggan

Pastikan anda mengisi sendiri bahagian ini dan mengetahui tujuan anda menurunkan tandatangan.

- ☐ Saya mengakui Bank Muamalat telah memberikan kepada saya salinan RPP
- ☐ Saya telah membaca dan memahami maklumat penting yang terkandung dalam RPP ini.

*\*Perakuan Pelanggan ke atas RPP ini tidak akan menjejaskan haknya untuk mendapatkan ganti rugi jika berlaku pertikaian seterusnya mengenai terma dan syarat produk*

Nama:  
Tarikh: